

# UMS berjaya hasilkan mesin prototaip baharu bersihkan pantai



**KENANGAN:** Para pensyarah dan pelajar Fakulti Kejuruteraan UMS merakamkan gambar kenangan selepas membersihkan pantai ODEC.

Oleh Yap Siong Han

UB 9-12-2019 3

**KOTA KINABALU:** Sepasukan pelajar akhir Kejuruteraan Awam Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melaksanakan aktiviti membersihkan pantai di Pusat Pembangunan Luar (ODEC) dengan menggunakan prototaip jentera membersihkan pantai baharu.

Dengan tema 'Bersih, hijau dan pemandangan indah', program itu berjaya dilaksanakan sempena dengan inisiatif prototaip mesin membersihkan pantai baharu yang dibangunkan UMS menerusi Skim Geran Inovasi universiti berkenaan.

Projek berkenaan dipantau rapi oleh Prof Madya Dr Nurmin Bolong, Prof Madya Dr Ismail Saad dan Ir Mohd

Amran Madlan serta sepasukan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan UMS.

Menurut Nurmin, mesin membersihkan pantai itu bukan sesuatu yang baharu tetapi usaha untuk menjayakan projek ini telah mencipta satu jentera mesra alam bersifat inovatif dan mampu digunakan.

"Jentera itu dilancarkan ketika dalam acara membersihkan pantai ODEC dengan sasaran mendapat maklum balas daripada peserta dan pengguna mesin ini.

"Jentera baharu ini direka dan dihasilkan di sini oleh pelajar UMS di Fakulti Kejuruteraan dengan kerjasama ES Jesselton Engineering Sdn Bhd," katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Beliau berkata, projek inovasi berkenaan menyasarkan untuk menjadikan pantai lebih bersih dengan kemungkinan melaksanakan operasi pembersihan pasir dan boleh digunakan oleh orang awam.

"Ia direka untuk mengutip sampah di pesisiran pantai dengan kerja mekanikal yang mudah serta hanya menggunakan tenaga elektrik dan mempunyai kesan bunyi rendah.

"Mesin ini senang untuk digunakan dan sesuai dengan hanya seorang pengendali di pantai yang kecil. Ia juga mempunyai kapasiti sebanyak 20 liter tempat simpanan sampah dan senang untuk dikosongkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Projek iaitu pelajar Muhammad

Hirzi berkata, usaha yang dilaksanakan itu sangat memberikan makna dalam pengalaman sendiri.

Katanya, dia gembira terlibat sama dalam projek inovasi berkenaan dan orang ramai kini harus sedar bahawa terdapat pendekatan baharu untuk membersihkan pantai.

"Program seumpamanya harus sentiasa diadakan agar mampu mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan pantai yang bersih.

"Selain itu, usaha membersihkan pantai juga penting bagi memelihara persekitaran agar bebas daripada sebarang ancaman pencemaran seterusnya menyelamatkan kehidupan marin," katanya.